



PAHANG

TAMBAHAN PERUNDANGAN

**ENAKMEN PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM 1991 [ENAKMEN No. 3 TAHUN 91]
SUBSEKSYEN 66(2)**

Phg. P.U. 12/95
PERATURAN-PERATURAN PEGUAM SYARIE 1995
Mengandungi pindaan terkini - Phg.P.U. 20/2013

Tarikh penyiaran:
Tarikh berkuatkuasa:

3 Ogos 1995
1 Januari 1992

SUSUNAN PERATURAN

Mukadimah

BAHAGIAN I - PERMULAAN

Peraturan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.
Peraturan 2. Tafsiran.

BAHAGIAN II - PENUBUHAN JAWATANKUASA PEGUAM SYARIE

Peraturan 3. Penubuhan Jawatankuasa.
Peraturan 4. Keanggotaan Jawatankuasa.
Peraturan 5. Menamatkan perlantikan dan perletakan jawatan.
Peraturan 6. Mesyuarat Jawatankuasa.
Peraturan 7. Fungsi Jawatankuasa.
Peraturan 8. Saraan dan elaun.

BAHAGIAN III - PEGUAM SYARIE

Peraturan 9. Kelayakan Peguam Syarie.
Peraturan 10. Permohonan.
Peraturan 11. Bantahan.
Peraturan 12. Keputusan.
Peraturan 13. Daftar Peguam Syarie.
Peraturan 14. Rayuan terhadap keputusan Jawatankuasa.

Peraturan 15. Hak-hak Peguam Syarie.

BAHAGIAN IV - TATATERTIB

Peraturan 16. Semua Peguam Syarie di bawah kawalan Jawatankuasa.

Peraturan 17. Aduan terhadap Peguam Syarie.

Peraturan 18. Kuasa Jawatankuasa untuk mengeluarkan perintah.

Peraturan 19. Rayuan terhadap perintah Jawatankuasa kepada Majlis.

Peraturan 20. Perintah Jawatankuasa hendaklah mengandungi pernyataan tentang kesimpulannya, dsb.

Peraturan 21. Peguam Syarie boleh memohon untuk dikeluarkan namanya daripada Daftar.

Peraturan 22. Jawatankuasa boleh memasukkan semula Peguam Syarie.

BAHAGIAN V - PERUNTUKAN AM

Peraturan 23. Mengemukakan Sijil Peguam Syarie dan Sijil Amalan Tahunan.

Peraturan 24. Tempoh dan pembaharuan Sijil Amalan Tahunan.

Peraturan 25. Sekatan.

Peraturan 26. Pemansuhan dan kecualian.

JADUAL

BORANG A

BORANG B

BORANG C

BORANG D

SENARAI PINDAAN

P N M B

Mukadimah

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 66(2) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 [*Enak. 3/91*], Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang membuat peraturan-peraturan berikut:

BAHAGIAN I PERMULAAN

1. Nama dan mula berkuatkuasa

Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Peguam Syarie 1995** dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1 haribulan Januari 1992.

2. Tafsiran

Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

"Daftar" ertinya Daftar Peguam Syarie yang disebut dalam peraturan 13;

"Enakmen" ertinya Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 [*Enak. 3/91*];

"Jawatankuasa" ertinya Jawatankuasa Peguam Syarie yang ditubuhkan di bawah peraturan 3;

"Ketua Pendakwa Syarie" ertinya pegawai yang dilantik di bawah seksyen 65 Enakmen;

"Mahkamah Syariah" mempunyai erti yang sama dengan yang diberi kepadanya dalam seksyen 2 Enakmen;

"Majlis" ertinya Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang;

"peguambela dan peguamcara" mempunyai erti yang sama dengan yang diberi kepadanya dalam Akta Profession Undang-Undang 1976 [*Akta 166*];

"Peguam Syarie" ertinya orang yang diterima masuk sebagai Peguam Syarie di bawah peraturan 12;

"peperiksaan Sijil Peguam Syarie" ertinya peperiksaan yang dikelolakan oleh Jawatankuasa di bawah peraturan 7.

BAHAGIAN II PENUBUHAN JAWATANKUASA PEGUAM SYARIE

3. Penubuhan Jawatankuasa

Maka hendaklah ditubuhkan suatu Jawatankuasa yang diberi nama Jawatankuasa Peguam Syarie yang akan mengendalikan hal-hal berhubungan dengan Peguam Syarie di Negeri Pahang.

4. Keanggotaan Jawatankuasa

(1) Majlis hendaklah melantik ahli-ahli Jawatankuasa yang hendaklah terdiri daripada-

- (a) Pengerusi;
- (b) Penasihat Undang-Undang Negeri;
- (c) Ketua Pendakwa Syarie;
- (d) dua orang lain yang dilantik oleh Majlis; dan
- (e) Setiausaha Majlis sebagai Setiausaha.

(2) Ahli-ahli Jawatankuasa yang dilantik di bawah perenggan 4(1) (d) hendaklah memegang jawatan selama tempoh tiga tahun dan mereka adalah layak dilantik semula.

5. Menamatkan perlantikan dan perletakan jawatan

(1) Perlantikan ahli-ahli Jawatankuasa di bawah perenggan 4(1)(d) boleh pada bila-bila masa ditamatkan oleh Majlis tanpa memberi sebab mengenainya.

(2) Seseorang ahli Jawatankuasa yang dilantik di bawah perenggan 4(1)(d) boleh meletakkan jawatan pada bila-bila masa dengan menghantar notis kepada Pengerusi Jawatankuasa.

6. Mesyuarat Jawatankuasa

(1) Pengerusi hendaklah mempengerusikan mana-mana mesyuarat Jawatankuasa dan jika Pengerusi tidak hadir ahli-ahli yang hadir bolehlah melantik seorang daripada mereka untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

(2) Tiga ahli yang hadir hendaklah menjadi kuorum sesuatu mesyuarat.

(3) Keputusan mesyuarat Jawatankuasa hendaklah dibuat secara syura.

(4) Tertakluk kepada Peraturan-Peraturan ini dan apa-apa arahan Majlis, Jawatankuasa boleh membuat prosedurnya sendiri.

7. Fungsi Jawatankuasa

Jawatankuasa hendaklah-

- (a) mengelolakan temuduga atau peperiksaan Sijil Peguam Syarie, mengikut mana yang difikirkan wajar oleh Jawatankuasa, dan semua perkara lain yang perlu atau bersampingan dengan temuduga atau peperiksaan itu termasuklah-

- (i) menyediakan soalan-soalan untuk temuduga dan menyediakan serta menerbitkan sukatan-sukatan pelajaran peperiksaan;
 - (ii) menetapkan tarikh temuduga atau peperiksaan;
 - (iii) menyediakan atau menilai soalan dan memeriksa jawapan peperiksaan;
 - (iv) menganugerahkan Sijil Peguam Syarie;
- (b) menerima masuk Peguam Syarie; dan
- (c) menjalankan apa-apa fungsi atau tugas lain yang diarahkan oleh Majlis.

8. Saraan dan elaun

Maka hendaklah dibayar kepada ahli-ahli Jawatankuasa apa-apa saraan atau elaun sebagaimana ditetapkan oleh Majlis.

BAHAGIAN III PEGUAM SYARIE

9. Kelayakan Peguam Syarie

Seseorang yang memohon untuk menjadi Peguam Syarie hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut-

- (a) (i) beragama Islam dan telah lulus peperiksaan akhir yang membawa kepada Ijazah Sarjana Muda Syariah dari Universiti Al-Azhar atau mana-mana institusi pengajian Islam yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia atau Kerajaan Negeri; atau
- (ii) adalah seseorang peguambela dan peguamcara beragama Islam yang didaftarkan di bawah Akta Profession Undang-Undang 1976 [*Akta 166.*]; atau
- (iii) telah berkhidmat sebagai Pegawai Agama Islam Daerah dengan mana-mana Kerajaan Negeri di dalam Malaysia selama tempoh tidak kurang daripada tujuh tahun;

[*Pin. Phg. Pu. 20/2013: s.2*]

- (b) telah mencapai umur dua puluh satu tahun;
- (c) berkelakuan baik dan-
 - (i) tidak pernah disabitkan di Malaysia atau di mana-mana tempat lain atas apa-apa kesalahan jenayah;
 - (ii) bukan seorang bankrap;
- (d) warganegara atau permastautin tetap Malaysia; dan

(e) sebagai peguambela dan peguamcara, telah lulus peperiksaan Sijil Peguam Syarie.

10. Permohonan

- (1) Seseorang yang hendak diterima masuk sebagai Peguam Syarie hendaklah membuat permohonan dengan menggunakan Borang A yang ditetapkan dalam Jadual.
- (2) Setiap permohonan hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Jawatankuasa dengan menyertakan salinan dokumen yang perlu dan hendaklah disertakan fee permohonan sebanyak sepuluh ringgit.
- (3) Pemohon hendaklah menampalkan satu salinan permohonannya di setiap Mahkamah Syariah di Negeri Pahang selama satu bulan selepas permohonannya diserahkan kepada Pengerusi Jawatankuasa.

11. Bantahan

- (1) Sesuatu permohonan atau penerimaan masuk seseorang sebagai Peguam Syarie boleh dibantah oleh Jabatan Agama Islam Pahang atau oleh mana-mana orang melalui Jabatan tersebut atau oleh Jawatankuasa Peguam Pahang.
- (2) Sesuatu bantahan yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Pengerusi Jawatankuasa beserta alasan-alasan bantahan itu.

12. Keputusan

- (1) Jawatankuasa hendaklah menyampaikan keputusannya dalam tempoh tujuh hari selepas keputusan dibuat kepada pemohon dan semua Mahkamah Syariah di Negeri Pahang.
- (2) Jawatankuasa hendaklah memaklumkan kepada pemohon mengenai adanya bantahan dan memberikan butir-butir bantahan.
- (3) Pemohon boleh mengemukakan rayuan kepada Jawatankuasa dalam tempoh satu bulan selepas Jawatankuasa menyampaikan keputusannya.
- (4) Sijil Peguam Syarie mengikut Borang B yang ditetapkan dalam Jadual hendaklah dikeluarkan oleh Jawatankuasa kepada pemohon setelah ia, dalam tempoh empat belas hari dari tarikh keputusan Jawatankuasa diterimanya, menyerahkan atau menyebabkan supaya diserahkan kepada Jawatankuasa-
 - (a) nama di bawah mana ia akan menjalankan amalan atau nama firma;
 - (b) alamat surat-menyurat;
 - (c) fee pendaftaran sebanyak satu ratus ringgit; dan
 - (d) bagi maksud perenggan 9(a)(iii), perakuan daripada Jabatan Agama Islam Pahang yang mengesahkan bahawa pemohon adalah seorang yang telah berkhidmat sebagai Kadi selama tempoh tidak kurang daripada tujuh tahun dan berkelayakan diterima masuk sebagai seorang Peguam Syarie.

(5) Sijil Amalan Tahunan mengikut Borang C yang ditetapkan dalam Jadual hendaklah dikeluarkan oleh Jawatankuasa kepada pemohon setelah dijelaskan fee sebanyak lima puluh ringgit.

13. Daftar Peguam Syarie

(1) Setiausaha Jawatankuasa hendaklah menyimpan Daftar Peguam Syarie.

(2) Daftar Peguam Syarie hendaklah dicatatkan-

(a) nama Peguam Syarie;

(b) nama di bawah mana ia menjalankan amalan atau nama firma;

(c) alamat surat-menyurat; dan

(d) tarikh diterima masuk.

(3) Jika ada apa-apa perubahan mengenai butir-butir Peguam Syarie seperti disebutkan dalam subperaturan (2), Peguam Syarie itu hendaklah dalam tempoh empat belas hari dari tarikh perubahan itu memberitahu Jawatankuasa dan perubahan itu hendaklah dicatatkan dalam Daftar.

14. Rayuan terhadap keputusan Jawatankuasa

(1) Seseorang yang tidak puashati dengan keputusan Jawatankuasa berhubungan dengan penerimaan masuk sebagai Peguam Syarie boleh merayu kepada Majlis bagi mengulangkaji keputusan itu dan keputusan Majlis adalah muktamad.

(2) Ahli Jawatankuasa yang menjadi ahli Majlis tidak boleh menyertai Majlis semasa Majlis mengulangkaji keputusan Jawatankuasa.

15. Hak-hak Peguam Syarie

Tertakluk kepada Peraturan-Peraturan ini dan mana-mana undang-undang bertulis lain, setiap Peguam Syarie adalah berhak untuk hadir dan bertindak bagi pihak klien mereka dalam semua Mahkamah Syariah di Negeri Pahang.

BAHAGIAN IV TATATERTIB

16. Semua Peguam Syarie di bawah kawalan Jawatankuasa

(1) Peguam Syarie hendaklah tertakluk kepada kawalan Jawatankuasa dan boleh, apabila sebab yang wajar ditunjukkan, dikeluarkan daripada Daftar atau digantung daripada menjalankan amalan atau dicela.

(2) Sebab yang wajar itu boleh ditunjukkan dengan bukti bahawa Peguam Syarie itu-

(a) telah disabitkan atas sesuatu kesalahan jenayah yang menjadikan ia tidak layak menjadi seorang Peguam Syarie;

(b) telah bersalah atas pecah amanah pada menjalankan kewajipan profesionalnya atau atas kelakuan yang tidak sesuai dengan seorang Peguam Syarie;

(c) telah menawarkan atau memberi atau bersetuju memberikan rasuah kepada mana-mana orang kerana mendapatkan pekerjaan bagi dirinya atau bagi mana-mana Peguam Syarie lain dalam apa-apa urusan undang-undang;

(d) telah secara langsung atau tidak langsung mendapatkan atau cuba mendapatkan pekerjaan bagi dirinya atau bagi seseorang Peguam Syarie lain melalui atau dengan arahan seseorang yang kepadanya sesuatu saraan kerana mendapatkan pekerjaan itu telah diberi olehnya atau dipersetujui atau dijanjikan untuk diberi sedemikian;

(e) telah menerima pekerjaan dalam apa-apa urusan undang-undang melalui seorang penarik langganan;

(f) membenarkan mana-mana kerani atau mana-mana orang lain yang tidak berkuasa mengusaha atau menjalankan urusan undang-undang atas namanya manakala kerani atau orang lain yang tidak berkuasa itu tidak berada di bawah kawalan majikannya yang dapat memastikan supaya ia tidak bertindak tanpa pengawasan yang wajar;

(g) menjalankan dengan sendiri atau melalui mana-mana orang yang diguna khidmat olehnya apa-apa tred; perniagaan atau pekerjaan yang pada pendapat Jawatankuasa adalah tidak sesuai dengan kedudukannya sebagai Peguam Syarie;

(h) telah melanggar atau mungkir mematuhi mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawah Enakmen jika pada pendapat Jawatankuasa pelanggaran atau kemungkiran itu memerlukan tindakan tatatertib.

(3) Dalam apa-apa prosiding di bawah peraturan ini, Jawatankuasa boleh selain daripada fakta-fakta kes itu mengambil kira kelakuan dan keperibadian orang yang berkenaan itu pada masa yang lalu untuk menentukan apakah perintah yang perlu dibuat.

17. Aduan terhadap Peguam Syarie

(1) Apa-apa aduan mengenai kelakuan seseorang Peguam Syarie atas sifat profesionalnya hendaklah dibuat kepada Jawatankuasa.

(2) Mahkamah Syariah atau Ketua Pendakwa Syarie boleh pada bila-bila masa merujuk kepada Jawatankuasa apa-apa maklumat yang menyentuh kelakuan seseorang Peguam Syarie atas sifat profesionalnya.

18. Kuasa Jawatankuasa untuk mengeluarkan perintah

Selain daripada kuasa yang diberi oleh Peraturan-Peraturan ini, Jawatankuasa, apabila mendengar sesuatu permohonan atau aduan yang dibuat kepadanya di bawah Peraturan-Peraturan ini, hendaklah berkuasa membuat apa-apa perintah yang difikirkan patut dan munasabah, dan sesuatu perintah itu boleh khususnya termasuk peruntukan bagi mana-mana daripada perkara-perkara yang berikut-

(a) memotong daripada Daftar nama Peguam Syarie yang dimaksudkan oleh permohonan atau aduan itu;

(b) menggantung Peguam Syarie itu daripada menjalankan amalan;

(c) mencela Peguam Syarie itu.

19. Rayuan terhadap perintah Jawatankuasa kepada Majlis

Rayuan terhadap sesuatu perintah yang dibuat oleh Jawatankuasa mengenai sesuatu permohonan atau aduan di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah dibuat kepada Majlis sama ada atas kehendak pemohon atau Peguam Syarie terhadap sesiapa aduan itu dibuat dan keputusan Majlis adalah muktamad.

20. Perintah Jawatankuasa hendaklah mengandungi pernyataan tentang kesimpulannya, dsb

Tiap-tiap perintah yang dibuat oleh Jawatankuasa atas permohonan atau aduan yang dibuat kepadanya di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah didahului dengan kesimpulan fakta berhubung dengan kes itu dan hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi Jawatankuasa atau oleh seorang ahli Jawatankuasa lain yang diberi kuasa oleh Jawatankuasa.

21. Peguam Syarie boleh memohon untuk dikeluarkan namanya daripada Daftar

(1) Seseorang Peguam Syarie boleh, tertakluk kepada peraturan ini, memohon kepada Jawatankuasa supaya namanya dikeluarkan daripada Daftar.

(2) Tiap-tiap permohonan itu hendaklah disokong dengan affidavit yang hendaklah disampaikan kepada Jawatankuasa tidak kurang daripada dua bulan sebelum permohonan itu didengar.

(3) Jawatankuasa boleh atas sebab yang baik menghendaki pemohon itu mengiklankan tujuannya hendak membuat permohonan itu mengikut apa-apa cara yang diarahkan oleh Jawatankuasa.

22. Jawatankuasa boleh memasukkan semula Peguam Syarie

(1) Jawatankuasa boleh, jika difikirkan patut dan munasabah, pada bila-bila masa memasukkan semula dalam Daftar nama seseorang Peguam Syarie yang namanya telah dikeluarkan atau dipotong daripada Daftar.

(2) Sesuatu permohonan supaya nama seseorang Peguam Syarie dimasukkan semula dalam Daftar hendaklah disokong dengan affidavit.

BAHAGIAN V PERUNTUKAN AM

23. Mengemukakan Sijil Peguam Syarie dan Sijil Amalan Tahunan

Setiap Peguam Syarie hendaklah mengemukakan Sijil Peguam Syarie dan Sijil Amalan Tahunan jika dikehendaki oleh mana-mana Mahkamah Syariah.

24. Tempoh dan pembaharuan Sijil Amalan Tahunan

(1) Sesuatu Sijil Amalan Tahunan melainkan jika digantung atau dibatalkan terlebih awal hendaklah sah sehingga 31 Disember setiap tahun.

[Mas. P.U. (A) 28/2011: s.2a]

(2) Sesuatu Sijil Amalan Tahunan boleh diperbaharui apabila Jawatankuasa berpuashati bahawa pemohon telah menjelaskan fee lima puluh ringgit dan mematuhi kehendak-kehendak Peraturan-Peraturan ini.

(3) Sesuatu permohonan untuk memperbaharui Sijil Amalan Tahunan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang D yang ditetapkan dalam Jadual.

(4) Sesuatu permohonan untuk memperbaharui Sijil Amalan Tahunan bagi tahun berikutnya hendaklah dibuat tidak lewat daripada tiga bulan sebelum tempoh sah tamat.

(5) Sesuatu permohonan untuk memperbaharui Sijil Amalan Tahunan yang diterima selepas tempoh tiga bulan tersebut hendaklah dikenakan fi tambahan sebanyak lima puluh ringgit.

[Pin. P.U. (A) 28/2011: s.2b]

25. Sekatan

Tiada seorang pun boleh menjalankan amalan sebagai Peguam Syarie atau melakukan apa-apa perbuatan sebagai Peguam Syarie melainkan namanya ada di dalam Daftar dan ia memiliki Sijil Peguam Syarie dan Sijil Amalan Tahunan yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

26. Pemansuhan dan kecualian

Peraturan-Peraturan Peguam Syariah 1990 [*Phg. P. U. 1/90.*] adalah dimansuhkan:

Dengan syarat bahawa apa-apa penerimaan masuk seseorang sebagai Peguam Syarie yang dibuat di bawah Peraturan-Peraturan yang dimansuhkan itu hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat di bawah Peraturan-Peraturan ini.

JADUAL
BORANG A
(Peraturan 10)

PERMOHONAN UNTUK DITERIMA MASUK SEBAGAI PEGUAM SYARIE

Kepada:

Pengerusi Jawatankuasa Peguam Syarie.

Dengan hormatnya saya memohon diterima masuk sebagai Peguam Syarie dan di bawah ini diperturunkan butir-butir mengenai diri saya.

(Hendaklah diisi oleh Pemohon dalam HURUF BESAR)

1. Nama:
2. Nama-nama lain (jika ada):
3. Jantina:
4. Tarikh Lahir:
5. Tempat Lahir:
6. Bujang/Beristeri/Bersuami:
7. Kewarganegaraan:
8. Bangsa:
9. Nombor Kad Pengenalan:
10. Tempat dan Tarikh Lahir Pengeluaran:
11. Alamat Urusan Biasa:
12. Nombor Telefon:
13. Alamat Kediaman:
14. Mazhab:
15. Kelayakan/Kelulusan:
16. Pengalaman:

Saya dengan ini mengaku bahawa segala keterangan yang tersebut di atas adalah benar.

Tarikh:

.....
Tandatangan Pemohon

PERINGATAN

Pemohon hendaklah mengemukakan salinan-salinan yang diperakui sah bagi sijil, surat-surat akuan, perakuan-perakuan dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan bagi menyokong permohonannya.

UNTUK KEGUNAAN JAWATANKUASA SAHAJA

Tarikh diterima:

Keputusan Jawatankuasa: Diluluskan/Ditolak/Ditangguhkan

Sebab-sebab penangguhan:

Tarikh Pemohon Diberitahu:

Tarikh Fee Pendaftaran Diterima:

Nombor Resit:

Dihantar pada:

Dicatatkan dalam Daftar:

Nombor Siri:

BORANG B

(Subperaturan 12(4))

SIJIL PEGUAM SYARIE

Dengan ini diperakui bahawa

Nama:

Nombor Siri Pendaftaran:

Alamat:

yang telah mematuhi kehendak-kehendak Peraturan-Peraturan Peguam Syarie 1995 telah didaftarkan sebagai seorang Peguam Syarie di bawah Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 mulai dari haribulan 19.....

METERAI

Tarikh dikeluarkan

H.....

M.....

.....
YANG DIPERTUA
MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT
RESAM MELAYU PAHANG

BORANG C

(Subperaturan 12(5))

SIJIL AMALAN TAHUNAN

No.

Dengan ini diperakui bahawa seorang Peguam Syarie telah, menurut Peraturan-Peraturan Peguam Syarie 1995, membayar fee sebanyak lima puluh ringgit bagi Sijil ini, dan menurut Sijil ini adalah bebas menjalankan amalan sebagai seorang Peguam Syarie dalam Mahkamah Syariah di seluruh Negeri Pahang mulai dari tarikh Sijil ini sehingga haribulan 19 termasuk kedua-dua tarikh tersebut.

Bertarikh:

H.....
M

.....
YANG DIPERTUA
MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT
RESAM MELAYU PAHANG

P N M B

BORANG D

(Subperaturan 24(3))

PERMOHONAN MEMPERBAHARUI SIJIL AMALAN TAHUNAN

Kepada:
Pengerusi Jawatankuasa Peguam Syarie,

Dengan hormatnya saya memohon untuk membaharui Sijil Amalan Tahunan yang telah tamat tempoh kuatkuasanya pada haribulan 19

2. Kenyataan yang berkaitan adalah seperti berikut:

(a) Nama:

(b) Nombor Kad Pengenalan:

(c) Alamat:

(d) Nombor Siri Pendaftaran Sijil Peguam Syarie:

(e) Nombor Sijil Amalan Tahunan yang telah tamat tempoh:

3. Dengan ini saya mengaku bahawa saya belum pernah dikenakan apa-apa tindakan berkaitan dengan profesion saya sebagai Peguam Syarie.

4. Bersama-sama ini disertai fee sebanyak RM 50.00.

Tarikh:

.....
Tandatangan Pemohon

Diperbuat pada 15 haribulan Julai 1993.
[M.U.I Phg. 18/13.]

DATO' HAJI ABDUL MUTTALIB BIN HAJI MOHD. ALI AL FAKWIE,
*Timbalan Yang Dipertua,
Majlis Ugama Islam dan Adat
Resam Melayu Pahang*

SENARAI PINDAAN

<i>Undang-Undang yang Meminda</i>	<i>Tajuk Ringkas</i>	<i>Tarikh Berkuatkuasa</i>
Phg. PU. 28/2011	Peraturan-Peraturan Peguam Syarie (Pindaan) 2011	8 Disember 2011
Phg. PU. 20/2013	Peraturan-Peraturan Peguam Syarie (Pindaan) 2013	10 Oktober 2013

P N M B



NEGERI PAHANG

SUBSIDIARY LEGISLATION

ADMINISTRATION OF ISLAMIC LAW ENACTMENT 1991 [ENACTMENT NO. 3 OF 1991]

SUBSECTION 66(2)

Phg. P.U. 12/95

PEGUAM SYARIE REGULATIONS 1995

Incorporating Latest Amendment – Phg. PU. 20/2013

Publication:

Date of coming into operation:

3 August 1995

1 January 1992

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

Preamble

PART I - PRELIMINARY

Regulation 1. Citation and commencement

Regulation 2. Interpretation

PART II - ESTABLISHMENT OF PEGUAM SYARIE COMMITTEE

Regulation 3. Establishment of Committee

Regulation 4. Membership of the Committee

Regulation 5. Termination of appointment and resignation

Regulation 6. Meetings of the Committee

Regulation 7. Functions of the Committee

Regulation 8. Remuneration and allowance

PART III - PEGUAM SYARIE

Regulation 9. Qualifications of a Peguam Syarie

Regulation 10. Application

Regulation 11. Objections

Regulation 12. Decision

Regulation 13. The Peguam Syarie Register

Regulation 14. Appeal against the decision of the Committee

Regulation 15. Rights of a Peguam Syarie

PART IV - DISCIPLINE

Regulation 16. All Peguam Syarie under the control of the Committee

Regulation 17. Complaint against a Peguam Syarie

Regulation 18. Power of the Committee to order

Regulation 19. Appeal against order of the Committee to the Majlis

Regulation 20. Order by the Committee to contain statement of its findings, etc

Regulation 21. Peguam Syarie may apply to have his name removed from the Register

Regulation 22. The Committee may restore a Peguam Syarie

PART V - GENERAL PROVISIONS

Regulation 23. Submitting Sijil Peguam Syarie and Annual Practising Certificate

Regulation 24. Validity and renewal of Annual Practising Certificate

Regulation 25. Restriction

Regulation 26. Repeal and saving

SCHEDULE

FORM A

FORM B

FORM C

FORM D

LIST OF AMENDMENT

P N M B

Preamble

In exercise of the powers conferred by subsection 66(2) of the Administration of Islamic Law Enactment 1991 (*Enact. 3/91*), the Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang makes the following regulations:

PART I PRELIMINARY

1. Citation and commencement

These Regulations may be cited as the **Peguam Syarie Regulations 1995** and shall be deemed to have come into force on the 1st day of January 1992.

2. Interpretation

In these Regulations, unless the context otherwise requires-

"advocate and solicitor" has the same meaning assigned to it in the Legal Profession Act 1976 (*Act 166*);

"Chief Syarie Prosecutor" means the officer appointed under section 65 of the Enactment;

"Committee" means the Peguam Syarie Committee established under regulation 3;

"Enactment" means the Administration of Islamic Law Enactment 1991 (*Enact. 3/91*);

"Majlis" means the Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang;

"Peguam Syarie" means a qualified person who is admitted as a Peguam Syarie under regulation 12;

"Register" means the Peguam Syarie Register mentioned in regulation 13;

"Sijil" Peguam Syarie examination" means the examination conducted by the Committee under regulation 7;

"Syariah Courts" has the same meaning assigned to it in section 2 of the Enactment.

PART II ESTABLISHMENT OF PEGUAM SYARIE COMMITTEE

3. Establishment of Committee

There shall be established a Committee to be called the Peguam Syarie Committee which will deal with all matters relating to Peguam Syarie in the State of Pahang.

4. Membership of the Committee

(1) The Majlis shall appoint members of the Committee which shall consist of-

- (a) a Chairman;
- (b) the State Legal Adviser;
- (c) the Chief Syarie Prosecutor;
- (d) two other persons appointed by the Majlis; and
- (e) the Secretary of the Majlis as the Secretary.

(2) The Members of the Committee appointed under paragraph 4(1)(d) shall hold office for a period of three years and are eligible for reappointment.

5. Termination of appointment and resignation

(1) The appointment of members of the Committee under paragraph 4(1)(d) may at any time be terminated by the Majlis without assigning any reason therefor.

(2) A member of the Committee appointed under paragraph 4 (1)(d) may at any time resign by tendering a notice to the Chairman of the Committee.

6. Meetings of the Committee

(1) The Chairman shall preside at any meeting of the Committee and if the Chairman is absent the members present may elect one of them to preside at the meeting.

(2) Three members present shall form the quorum of a meeting.

(3) The decision of the meeting of the Committee shall be made by *syura*.

(4) Subject to these Regulations and any direction of the Majlis the Committee may prescribe its own procedure.

7. Functions of the Committee

The Committee shall-

(a) conduct interviews or the Sijil Peguam Syarie examination, as whichever is deem fit by the Committee, and all other matters necessary for and incidental to the interview or examination, including-

- (i) preparing the questions for the interview and preparing and publishing the syllabuses for the examination;

- (ii) fixing the date of the interview or examination;
 - (iii) preparing or evaluating questions and marking examination papers;
 - (iv) conferring Sijil Peguam Syarie;
- (b) admit a Peguam Syarie; and
- (c) perform any other functions or duties as may be direct by the Majlis

8. Remuneration and allowance

There shall be paid to the members of the Committee any remuneration or allowance as may be prescribed by the Majlis.

PART III PEGUAM SYARIE

9. Qualifications of a Peguam Syarie

Any person who applies to be a Peguam Syarie shall possess the following qualifications-

- (a) (i) a Muslim and has passed the final examinations which leads to a Bachelor's Degree in Syariah from the University of Al-Azhar or any Islamic educational institution recognised by the Government of Malaysia or the State Government; or
- (ii) a Muslim advocate and solicitor enrolled under the Legal Profession Act 1976 (*Act 166*); or
- (iii) has served as a Pegawai Agama Islam Daerah with any State Government in Malaysia for a period of not less than seven years;

[Amd. Phg. Pu. 20/2013: s.2]

- (b) has attained the age of twenty-one years;
- (c) of good behaviour and-
 - (i) has never been convicted in Malaysia or in any other place of any criminal offence;
 - (ii) is not a bankrupt;
- (d) a Malaysian citizen or a permanent resident of Malaysia; and
- (e) as an advocate and solicitor, has passed the Sijil Peguam Syarie examination.

10. Application

(1) Any person who desires to be admitted as a Peguam Syarie shall make an application by using Form A as prescribed in the Schedule.

(2) Every applicant shall cause to be posted a copy of his application on every Syariah Courts in the State of Pahang for a period of one month after the delivery of his application to be the Chairman of the Committee.

11. Objections

(1) Any application or admission of a person as a Peguam Syarie may be objected by the Pahang Islamic Religious Department or by any person through the Department or by the Pahang Bar Committee.

(2) Any objection referred to in subregulation (1) shall be submitted in writing to the Chairman of the Committee accompanied by the grounds for the objection.

12. Decision

(1) The Committee shall serve its decision within a period of seven days after the making of the decision on the applicant and all Syariah Courts in the State of Pahang.

(2) The Committee shall inform the applicant as to the objection and provide him with the particulars of the objection.

(3) The applicant may appeal to the Committee within a period of one month after the service of the decision.

(4) The Sijil Peguam Syarie as in Form B prescribed in the Schedule shall be issued by the Committee to the applicant after the applicant, within a period of fourteen days from the date he receives the decision of the Committee, has submitted or cause to be submitted to the Committee-

(a) the name under which he intends to practise or the name of the firm;

(b) his postal address;

(c) the registration fee of one hundred ringgit; and

(d) for the purpose of paragraph 9(a)(iii), a certificate from the Pahang Islamic Religious Department confirming that the applicant is a person who has served as a Kadi for a period of not less than seven years and is qualified to be admitted as a Peguam Syarie.

(5) An Annual Practising Certificate as in Form C prescribed in the Schedule shall be issued by the Committee to the applicant after having paid a fee of fifty ringgit.

13. The Peguam Syarie Register

- (1) The Secretary of the Committee shall maintain a Peguam Syarie Register.
- (2) There shall be entered into the Peguam Syarie Register
 - (a) the name of the Peguam Syarie;
 - (b) the name under which he practises or the name of the firm;
 - (c) the postal address; and
 - (d) the date of admission.
- (3) In the event of any change in the particulars of a Peguam Syarie as stated in subregulation (2), the Peguam Syarie shall within a period of fourteen days thereafter inform the Committee and the change shall be entered into the Register.
- (4) Any person may inspect the Register during office hours without any payment.

14. Appeal against the decision of the Committee

- (1) Any person who is aggrieved by the decision of the Committee relating to the admission as a Peguam Syarie may appeal to the Majlis to review the decision and the decision of the Majlis shall be final.
- (2) The member of the Committee who is a member of the Majlis shall not take part in reviewing the decision of the Committee.

15. Rights of a Peguam Syarie

Subject to these Regulations and any other written laws, every Peguam Syarie has the right to appear and represent his client in all Syariah Courts in the State of Pahang.

PART IV DISCIPLINE

16. All Peguam Syarie under the control of the Committee

- (1) A Peguam Syarie shall be subject to the control of the Committee and shall be liable, on due cause shown, to be removed from the Register or suspended from practice or censured.
- (2) Due cause may be shown by proof that the Peguam Syarie
 - (a) has been convicted of a criminal offence so as to make him unfit to be a Peguam Syarie;
 - (b) has been guilty of breach of trust in the discharge of his professional duty or of fraudulent conduct or conduct otherwise unbecoming a Peguam Syarie;

(c) has tendered or given or consented to give gratification to any person for having procured the employment in any legal business of himself or any other Peguam Syarie:

(d) has directly or indirectly procured or attempted to procure the employment of himself or of any other Peguam Syarie through or by the instruction of any person to whom any remuneration for obtaining such employment has been given by him or agreed or promised to be so given;

(e) has accepted employment in any legal business through a tout;

(f) allows any clerk or any unauthorised person to undertake or carry on legal business in his name, the clerk or that other unauthorised person not being under such control of his principal as to ensure that he does not act without proper supervision;

(g) carries on by himself or through any other person in his employment any trade, business or calling which in the opinion of the Committee is incompatible with his position as a Peguam Syarie;

(h) has contravened or failed to comply with any of the provisions of these Regulations or any other rules made under the Enactment if in the opinion of the Committee such contravention or failure warrants disciplinary action.

(3) In any proceedings under this regulation, the Committee may in addition to the facts of the case take into account the past conduct and character of the person concerned in order to determine what order should be made.

17. Complaint against a Peguam Syarie

(1) Any complaint concerning the conduct of any Peguam Syarie in his professional capacity shall be made to the Committee.

(2) The Syariah Courts or the Chief Syarie Prosecutor may at any time refer to the Committee any information touching upon the conduct of a Peguam Syarie in his professional capacity.

18. Power of the Committee to order

In addition to the powers conferred by these Regulations, the Committee, on the hearing of any application or complaint made to it under these Regulations, shall have power to make such order as it thinks fair and reasonable, and any such order may in particular include provision for any of the following matters-

(a) striking off the Register the name of the Peguam Syarie to whom the application or complaint relates;

(b) suspending the Peguam Syarie from practice;

(c) censuring the Peguam Syarie.

19. Appeal against order of the Committee to the Majlis

An appeal against any order made by the Committee in respect of an application or complaint under these Regulations shall be made to the Majlis at the instance either of the applicant or the Peguam Syarie against whom the complaint is made and the decision of the Majlis shall be final.

20. Order by the Committee to contain statement of its findings, etc

Every order made by the Committee on an application or complaint made to it under these Regulations shall be prefaced by a statement of its findings in relation to the facts of the case and shall be signed by the Chairman of the Committee or by any other member of the Committee authorised by the Committee.

21. Peguam Syarie may apply to have his name removed from the Register

(1) Any Peguam Syarie may, subject to this regulation, apply to the Committee to have his name removed from the Register.

(2) Every such application shall be supported by an affidavit which shall be served on the Committee not less than two months before the application is heard.

(3) The Committee may for good cause require the applicant to advertise his intention to make the application in such manner as the Committee shall direct.

22. The Committee may restore a Peguam Syarie

(1) The Committee may, if it thinks fair and reasonable, at any time restore to the Register the name of a Peguam Syarie which has been removed from or struck off the Register.

(2) An application for the name of a Peguam Syarie be restored to the Register shall be supported by an affidavit.

PART V GENERAL PROVISIONS

23. Submitting Sijil Peguam Syarie and Annual Practising Certificate

Every Peguam Syarie shall submit the Sijil Peguam Syarie and the Annual Practising Certificate if required by any Syariah Courts.

24. Validity and renewal of Annual Practising Certificate

(1) The Annual Practising Certificate unless earlier suspended or revoked shall be valid until 31 December of each year.

[Amd. Phg.P.U. 28/2011: s.2a]

(2) An Annual Practising Certificate may be renewed upon the Committee being satisfied that the applicant has paid the fee of fifty ringgit and has complied with the requirements of these Regulations.

(3) An application for the renewal of Annual Practising Certificate shall be made by using Form D as prescribed in the Schedule.

(4) An application to renew the Annual Practising Certificate for the following year shall be made not later than three months before the expiry date.

(5) An application to renew the Annual Practising Certificate received after that three month period shall be charged an additional fee of fifty ringgit.

[Amd. Phg.P.U. 28/2011: s.2b]

25. Restriction

No person shall practise as a Peguam Syarie or do any act as a Peguam Syarie unless his name is in the Register and he has a Sijil Peguam Syarie and Annual Practising Certificate issued under these Regulations.

26. Repeal and saving

The Peguam Syariah Rules 1990 *[Phg.P.U. 1/90]* is repealed:

Provided that any admission of a person as a Peguam Syarie made under the repealed Rules shall be deemed to have been made under these Regulations.

SCHEDULE

FORM A

(Regulation 10)

APPLICATION FOR ADMISSION AS A PEGUAM SYARIE

To:

The Chairman of the Peguam Syarie Committee.

With due respect I apply to be admitted as a Peguam Syarie and hereunder are my personel particulars.

(To be filled by the Applicant in CAPITAL LETTERS)

1. Name:
2. Other names (if any):
3. Sex:
4. Date of Birth:
5. Place of Birth:
6. Single/Married:
7. Citizenship:
8. Race:
9. Identification Card Number:
10. Place and Date of Issue:
11. Regular Business Address:
12. Telephone Number:
13. Address of Residence:
14. Sect:
15. Qualification:
16. Experience:

I hereby affirm that all particulars stated above are true.

Date

.....
Signature of Applicant

REMINDER

The Applicant shall submit certified true copies of certificates, testimonials, recommendations and other relevant documents to support his application.

FOR COMMITTEE'S ONLY

FOR COMMITTEE'S USE ONLY

Date of receipt:

Decision of the Committee:

Approved/Rejected/Postponed

Reasons for postponement:

Date when Applicant Informed:

Date of Receipt of Registration Fee:

Receipt Number:

Sent on:

Entered into The Register:

Serial Number:

P N M B

FORM B

(Subregulation 12(4))

SIJIL PEGUAM SYARIAH

It is hereby certified that

Name:

Registration Serial Number:

Address:

who has complied with the requirements of the Peguam Syariah Rules 1995 has been registered as a Peguam Syariah under the Administration of the Religion of Islam and the Malay Custom of Pahang Enactment 1991 with effect from the day of 19.....

SEAL

Date issued A.H /A.D

.....
YANG DI - PERTUA
MAJLIS UGAMA ISLAM DAN
ADAT RESAM MELAYU PAHANG

P N M B

FORM C

(Subregulation 12(5))

ANNUAL PRACTISING CERTIFICATE

NUMBER:

It is hereby certified that a Peguam Syarie has paid, pursuant to the Peguam Syarie Regulations 1995, a fee of fifty ringgit for this Certificate, and by virtue of this Certificate he has the right to practise as a Peguam Syarie in the Syariah Courts in the State of Pahang with effect from the date of this Certificate to theday of19, both dates inclusive.

Dated A.H /A.D.....

.....
YANG DIPERTUA
MAJLIS UGAMA ISLAM DAN
ADAT RESAM MELAYU PAHANG

P N M B

FORM D

(Subregulation 24(3))

APPLICATION FOR RENEWAL OF ANNUAL PRACTISING CERTIFICATE

To:

The Chairman of Peguam Syarie Committee.

With due respect I apply to renew my Annual Practising Certificate which has expired on the day of 19

2. The relevant particulars are as follows:

(a) Name:

(b) Identity Card Number:

(c) Address:

(d) Registration Serial Number of Sijil Peguam Syarie:

(e) The expired Annual Practising Certificate Number:

3. I hereby affirm that I have never been taken any action against in respect of my profession as a Peguam Syarie.

4. I enclose herewith a fee of RM 50.00

Date.....

.....
Signature of Application

Made the 15th day of July 1993.
[M.U.I. Phg. 18/13.]

DATO' HAJI ABDUL MUTALLIB BIN HAJJ MOHO. ALI AL FAKWIE,
*Timbalan Yang Dipertua,
Majlis Ugama Islam dan
Adat Resam Melayu Pahang*

LIST OF AMENDMENT

<i>Amending Law</i>	<i>Short title</i>	<i>Date of Enforcement</i>
Phg. PU. 28/2011	Peguam Syarie (Amendment) Regulations 2011	8 December 2011
Phg. PU. 20/2013	Peguam Syarie (Amendment) Regulations 2013	10 October 2013

P N M B